

17 SEP 2001

SEA-Pertandingan (Penutup)

BURUAN PINGAT SUKAN SEA KE-21 BERAKHIR

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Selepas 10 hari yang penuh drama dan debaran, persaingan untuk memburu pingat pada Sukan SEA ke-21 tiba ke penghujungnya hari ini.

Pasangan perenang Malaysia, Suzanna Ghazali Bujang dan Sara Kamil Yusof mengungguli acara renang berirama teknikal dan free duet untuk meraih pingat emas terakhir yang ditawarkan pada Sukan SEA pertama di alaf baru ini.

Kejayaan pasangan itu melonjakkan jumlah akhir pungutan pingat oleh pasukan negara kepada 111 emas, 75 perak dan 85 gangsa, kutipan terbanyak oleh Malaysia dalam sejarah Sukan SEA. Selain itu, Malaysia turut meraih gelaran juara keseluruhan Sukan SEA untuk kali pertama sejak temasya itu mula dianjurkan 42 tahun lepas.

Malaysia, yang mengesahkan gelaran juara keseluruhan malam tadi setelah mengutip 108 pingat emas berbanding 101 oleh Thailand, meraih tiga lagi pingat emas hari ini untuk mengeneipkan juara bertahan itu di tempat kedua dengan kutipan 103 pingat emas, 86 perak dan 89 gangsa.

Bekas kuasa besar sukan rantau ini, Indonesia sekadar menduduki tempat ketiga dengan 72 emas, 74 perak dan 80 gangsa.

Upacara penutupan temasya Sukan SEA ke-21 akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Nasional di sini malam ini.

Di Brunei dua tahun lepas, Thailand memenangi gelaran juara keseluruhan setelah mengutip 65 emas, 48 perak dan 56 gangsa manakala Malaysia mengekori di tempat kedua dengan 57 emas, 45 perak dan 42 gangsa.

Lima pingat emas dipertandingkan pada hari terakhir - dalam acara ekuestrian (acara tiga-hari individu dan berpasukan), terjun serentak lelaki dan wanita dan satu pingat emas dalam acara renang berirama.

Sejumlah 391 pingat emas, 391 perak dan 501 gangsa menjadi rebutan dalam 32 jenis sukan pada temasya kali ini yang dirasmikan pembukaannya pada 8 Sept.

Juara bertahan Thailand meraih dua pingat terakhir mereka hari ini menerusi acara ekuestrian tiga-hari berpasukan dan Pongsiree Bunluewong yang memenangi kategori individu acara berkenaan.

Vietnam, yang akan menjadi tuan rumah Sukan SEA untuk kali pertama pada 2003, muncul sebagai pasukan yang perlu diberikan perhatian pada masa hadapan apabila mereka memenangi 33 pingat emas, 35 perak dan 64 gangsa untuk menduduki tangga ke empat, sambil mengeneipkan Filipina yang meraih 30 pingat emas, 66 perak dan 67 gangsa.

Singapura mengekori di tempat keenam dengan kutipan 22 emas, 31 perak dan 42 gangsa, diikuti oleh Myanmar dengan 19 emas, 14 perak dan 53 gangsa.

Kemboja dan Laos masing-masing meraih satu pingat emas manakala hos sebelum ini, Brunei sekadar meraih lima pingat perak dan enam gangsa.

-- BERNAMA

AR MZA